

Membangun Kekuatan Setiap Individu.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنَّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ حُدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَ مَصْبَاحُ الظُّلَامِ، اَللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عِلَانِيَتَكُمْ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah.

Marilah kita bertakwa kepada Allah, dengan meningkatkan ilmu sepanjang hayat. Semoga dengannya semakin tumbuh rasa insaf kita, serta mudah untuk kita kekal taat melaksanakan perintahNya dan bersungguh-sungguh menjauhi laranganNya.

Saudara-saudara yang dikasihi.

Atas dasar kebijaksanaan dan keadilannya, setiap insan yang dicipta Allah s.w.t. memiliki kekuatan dan kemampuan yang

berbeza-beza. Tujuannya agar kita dapat saling memperkuat antara satu sama lain dan agar kita sedar bahawa kita ini adalah lemah dan saling memerlukan. Renungkan firman Allah dalam surah Al-Qamar ayat 49:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ ﴿٤٩﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran (ketetapan atau ketentuan).”*

Inilah dia kebijaksanaan Illahi, setiap insan diberinya kekuatannya tersendiri. Yang penting, kita sebagai ibu bapa hendaknya mengenal pasti kelemahan dan kekuatan anak-anak kita. Yang lemah kita kuatkan sesuai dengan potensi mereka sehingga dapat dikembangkannya dengan baik dan sempurna. Ketahuilah, bahawa tidak ada satu pun ciptaan Allah di alam ini diciptakan dengan sia-sia. Dan jangan sekali-kali kita berputus asa dalam berusaha.

Lihat sahaja perjalanan hidup seorang ulama terbilang kita iaitu Ibnu Hajar Al-Asqalani. Meskipun beliau seorang anak yatim dan berasal dari keluarga yang miskin, beliau dengan sikap yang positif meneruskan kehidupan dengan bekerja keras, berdedikasi, beristiqamah dan tidak pernah berputus asa. Ibn Hajar AlAsqalani

pada mulanya dikenali sebagai seorang murid yang daya inteleginya sederhana, malahan dikatakan beliau sering lupa dengan pelajaran yang diajarkan kepadanya. Namun menurut riwayat setelah beliau melihat bagaimana air yang lembut dapat melekukkan batu yang keras, beliau mendapat inspirasi bahawa jika beliau berusaha lama-kelamaan beliau dapat berjaya.

Berkat kerajinan, ketekunan dan usaha beliau yang bersungguhsungguh, Allah s.w.t. melimpahkan kepadanya ilmu yang mendalam sehingga beliau tergolong sebagai seorang ulama. Hasil penulisan beliau amat tajam dan meluas, merangkumi ilmuilmu Al-Quran, As-Sunnah, Fiqh dan sebagainya. Di antara karya penulisan beliau yang terkenal adalah "*Fathul Baari – Syarah Sahih Bukhari*".

Atas dasar ilmu, beliau kekal dimartabatkan sebagai seorang ulama yang dirujuk sehingga kini. Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Mujadilah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ
دَرَجَاتٍ

Yang Bermaksud: *“Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat”*.

Saudara-saudara yang dirahmati Allah.

Daripada perjalanan hidup Ibn Hajar ini, kita dapat mengambil beberapa iktibar, di antaranya adalah:-

Pertama: Setiap dari kita lagi-lagi yang memiliki anak, perlu sedari bahawa kita ataupun anak-anak tersebut memiliki kemampuan dan keupayaan masing-masing sebagai anugerah istimewa daripada Allah s.w.t. Janganlah kita memandang rendah akan kemampuan mereka. Seandainya mereka mengalami kesukaran dalam menguasai sesuatu pelajaran atau ilmu, tidak bererti tiada harapan buat dirinya.

Besar kemungkinan mereka memiliki kemahiran lain, yang boleh dimanfaatkan dan boleh menyumbang kepada keluarga dan masyarakat dalam bidang yang ditekuni.

Kedua: Dalam kita mencari nikmat-nikmat Allah, berusaha dengan gigih dan penuh yakin diri. Teguhkanlah keyakinan kita terhadap Allah s.w.t. serta sentiasa berharap kepadaNya dan tidak berputus asa dengan pemberianNya. Apa yang kita cari

daripada kurniaan Allah sama ada ilmu, rezeki, kemahiran dan sebagainya amat memerlukan kesabaran, ketabahan dan kesyukuran. Sifat berputus asa hanya akan menjauhkan kita daripada Allah dan merosakkan segala harapan kita di dunia ini. Imam Ibn Hajar berjaya mencapai tahap keilmuan yang tinggi berkat ketekunan dirinya dan sikap tidak mudah berputus asa. Para Anbiya tidak merasakan kejayaan tanpa terlebih dahulu melalui kesulitan, kepayahan dan cabaran. Oleh itu Nabi s.a.w. bersabda:

المؤمن القوي خير وأحب إلى الله من المؤمن الضعيف، وفي كل خير، احرص على ما ينفعك، واستعن بالله ولا تعجز

Yang bermaksud: *“Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah. Dan bagi setiap daripada keduanya ada kebaikan. Bersungguh-sungguhlah kamu untuk mendapatkan sesuatu yang bermanfaat bagimu, dan mohonlah pertolongan kepada Allah serta jangan berputus asa”*.

[Hadith riwayat Imam Muslim]

Marilah kita tingkatkan ilmu kita dari masa ke semasa sesuai dengan perkembangan zaman. Dengan ilmu pengetahuan yang kita miliki semakin merapatkan hubungan kita dengan Allah. Semakin dalam pula cinta kita kepada kebaikan dan semakin

banyak sumbangan yang dapat kita hulurkan, sebagai pelaburan kita untuk menempati syurga yang dijanjikan Allah s.w.t.

Ya Allah, kayakanlah kami dengan ilmu, hiaskanlah diri kami dengan kelembutan hati, muliakanlah diri kami dengan takwa dan elokkanlah diri kami dengan kesihatan. Amin. Ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .